

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]
TARIKH : 5 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan semua jenis cukai langsung dan tidak langsung bagi setiap negeri dari tahun 2014 hingga kini dan nyatakan jumlah geran Kerajaan kepada semua negeri yang tidak termasuk geran populasi dan jika wujud perbezaan, nyatakan justifikasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran kutipan hasil cukai bagi Kerajaan Persekutuan adalah melibatkan dua jabatan/agensi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengutip cukai langsung dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang mengutip cukai tidak langsung.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Bahagian VII Peruntukan Kewangan, Perkara 97 Kumpulan Wang Disatukan di perenggan (1), segala hasil dan wang termasuk hasil cukai yang dikutip melalui LHDNM dan JKDM yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan yang ditadbir oleh Jabatan Akauntan Negara.

Jumlah kutipan hasil cukai langsung dan cukai tidak langsung yang dibayar kepada LHDNM atau JKDM di peringkat negeri tidak menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan. Ini kerana negeri di mana lokasi cawangan agensi kutipan cukai yang menerima pembayaran cukai langsung atau tidak langsung adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Pusat telah memberikan sumbangan kepada Kerajaan Negeri tidak termasuk geran populasi bagi tahun 2014 hingga 2018 seperti berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2014	6,216,233,454
2015	6,344,529,498
2016	6,392,328,875
2017	6,491,640,922
2018	6,932,508,687
Jumlah	32,377,241,436

Secara amnya klasifikasi pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan, antaranya ialah Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*), Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri (*State Roads Grant*), Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) dan Pemberian Di Bawah Senarai Bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kesembilan (Senarai Bersama) Perlembagaan Persekutuan.